

Landskap rosak dipijak pengunjung

(1 SEPTEMBER 2022) SINAR, P5

KUALA LUMPUR – Sambutan Hari Kebangsaan 2022 yang meriah di Dataran Merdeka ‘ternoda’ apabila landskap malar hijau diuruskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) musnah akibat dipijak.

DBKL melalui Facebooknya menyindir sikap setengah warga kota yang tidak mempedulikan landskap ditanam pelbagai jenis pokok di atas pembahagi jalan sekitar Dataran Merdeka dan Jalan Raja Laut.

“Seronok Min tengok lautan manusia membanjiri jalan sekitar Dataran Merdeka pagi tadi (Rabu) bagi meraikan sambutan Hari Kebangsaan. Semangat cintakan negara seperti inilah yang kita mahukan.

“Tapi ada pula yang tak mempedulikan persekitaran dan keindahan kawasan...langsung rasa tak bersalah merosakkan landskap yang disemai cantik... semangat tu dah bagus...tapi caranya tak betul,” katanya dalam muat naik pada Rabu.

Orang ramai yang meninggalkan ulasan di ruangan komen bersimpati dengan apa yang berlaku serta tidak kurang juga menyalahkan penganjur.

Bagi Aida Abrar Yusof, keadaan tidak terkawal kerana kehadiran luar biasa orang ramai di kawasan itu menjadi penyumbang kemusnahan landskap.

“Terlalu ramai orang yang datang. Orang semua teruja nak tengok perarakan dan perbarisan tapi tempat tak disediakan bangku,” ujarnya.



Orang ramai memijak landskap yang diuruskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).